

Karnival Keusahawanan UiTM

FOTO | Muhaizan Yahya

11M 25 / 9/06

KARNIVAL Keusahawanan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, baru-baru ini meriah dengan pelbagai aksi usahawan muda. Biarpun tanpa pengalaman, gaya mereka bemiaga seolah-olah sudah ada pemiagaan sendiri. Riu rendah mereka cuba menarik perhatian pengunjung supaya mengunjungi gerai masing-masing. Meskipun objektif karnival itu untuk memeriahkan majlis sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-49 lalu, mahasiswa tidak melepaskan peluang menjual hasil yang dibawa sambil tersenyum mengira untung yang diperoleh. Pelbagai hasil jualan boleh diperoleh, antaranya juadah, pakaian, minuman serta barangan aksesori.



CANTIK...kumpulan wanita ini gembira dengan hasil kreativiti mahasiswa mencorakkan inai di tangan.



SIAPA HENDAK CUBA...pengunjung boleh mencuba permainan Planet Keepers Scoorer yang dianjurkan Persatuan mahasiswa Teknologi Persekitaran UiTM.



BERGANDINGAN...empat sahabat ini saling membantu untuk menyiapkan cenderahati yang diperbuat daripada kotak dan botol.



MARILAH...pelbagai cara pelajar UiTM lakukan bagi menarik pengunjung ke gerainya.



HENDAK LAWAN...pengunjung ini tidak melepaskan peluang mencuba inai di tangannya.